

Headline	HIV turun Penghidap		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	18	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	203 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,846
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,538



Penghidap HIV turun

» *Kejayaan hasil program terapi gantian 'Methadone'*

Oleh **Syed Azwan Syed Ali**
syedazwan@mediaprima.com.my

► Kuala Lumpur

Jumlah penghidap HIV positif di negara ini menurun 57 peratus daripada 6,978 orang pada 2002, kepada 3,438 positif HIV pada tahun lalu.

Statistik terkini Kementerian Kesihatan mengenai Sistem Pemantauan AIDS Kebangsaan bagi 1986-2012, mendapati jumlah HIV positif dalam kalangan penagih dadah menurun dengan ketara daripada 5,176 pada 2002 kepada 1,014 penagih dadah positif HIV pada tahun lalu.

Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM), Prof Dr Adeeba Kamarulzaman, berkata penurunan itu hasil kejayaan program terapi gantian 'Methadone' dan pertukaran jarum bagi penghidap HIV positif akibat salah guna dadah, sejak 2006.

Dr Adeeba yang juga Pengarah



“**Bagaimanapun, masih ada kekangan dan cabaran terutama stigma masyarakat yang masih menghalang**”

Dr Adeeba Kamarulzaman
Dekan Fakulti Perubatan UM

Pusat Kecemerlangan Kajian AIDS (CERiA) UM, berkata kejayaan itu juga boleh dikaitkan dengan rawatan percuma kepada penghidap HIV positif yang dimulakan sejak 2001.

“Ini bukti kejayaan kita dalam memerangi HIV/AIDS. Bagaimanapun, masih ada kekangan dan cabaran terutama stigma masyarakat yang masih menghalang,”

katanya kepada BH di sini, semalam.

Dr Adeeba yang juga Pengerusi Bersama Persidangan Pertubuhan AIDS Antarabangsa (IAS) 2013 yang akan diadakan di ibu negara hujung minggu ini berkata, ketika ini jumlah HIV positif akibat salah guna dadah semakin menurun berbanding transmisi disebabkan hubungan seks semakin meningkat.

Anjur Persidangan IAS

Sehubungan itu, katanya, susulan komitmen Malaysia dalam memerangi HIV/AIDS, negara ini dipilih menganjurkan Persidangan IAS 2013 Mengenai Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan HIV yang juga persidangan saintifik terbuka terbesar di dunia mengenai penyakit kronik itu.

“Persidangan itu akan menjadi platform bagi semua pihak dari seluruh dunia membincangkan penemuan saintifik terkini mengenai HIV/AIDS,” katanya merujuk kepada beberapa penemuan terkini berkaitan rawatan anti-retrovirus awal, termasuk ‘bayi Mississippi’ di Amerika Syarikat.

Persidangan anjuran IAS dengan kerjasama CERiA itu akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) selama empat hari bermula Ahad ini.